

[Laman Utama](#) > GOTONG ROYONG MEMBUAT BUBUR LAMBUK DAN BUBUR ASYURA

Tarikh : 25 Oktober 2015| **Kategori** : WP Kuala Lumpur

Masa : 9.00 Pagi

Tarikh : 25 Oktober 2015

Tempat : Dataran Perumahan Awam, Sri Selangor

Program gotong royong membuat bubur lambuk dan bubur asyura ini telah dianjurkan oleh KRT Sri Selangor pada 25 Oktober 2015 bertempat di Dataran Perumahan Awam Sri Selangor, Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Objektif utama program adalah mengukuhkan ikatan silaturrahim serta menyemarakkan semangat bekerjasama dalam hidup bermasyarakat. Antara pengisian majlis ialah gotong royong memasak bubur lambuk dan bubur assyura seterusnya diagihkan kepada penduduk setempat.

Program telah dihadiri lebih kurang 100 orang yang terdiri daripada penduduk setempat. Turut hadir memeriahkan majlis, Puan Norashikin Binti Tasor, Pembantu Pegawai Perpaduan Kanan Daerah Dang Wangi. Program telah berlangsung dengan jayanya.



25 Oktober 2015
WP Kuala Lumpur
